

**DARIPADA ‘ALAM DARJAT’ KEPADA ‘ALAM FIZIKAL’:  
ANALISIS SEMANTIK KOGNITIF  
FROM ‘SUPREME WORLD’ TO ‘PHYSICAL WORLD’:  
A COGNITIVE SEMANTIC ANALYSIS**

NOR HASHIMAH JALALUDDIN  
ZAHARANI AHMAD  
ANIDA BINTI SARUDIN

**ABSTRAK**

Artikel ini membicarakan perubahan makna pada kata serapan asing dalam bahasa Melayu, misalnya, leksikal *alam* (berasal daripada bahasa Arab) yang telah sebatik dalam kosa kata Melayu. Sumber utama perbincangan ini adalah data korpus klasik dalam *Malay Concordance Project* (MCP) dan data korpus moden dalam pangkalan data Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Didapati peredaran masa telah menyebabkan kata *alam* mengalami perubahan makna terasnya. Perbincangan ini akan memberi fokus terhadap motivasi kognitif yang berlaku dalam domain ‘darjat’ pada era klasik dan domain ‘alam fizikal’ dalam era semasa melalui pendekatan teori semantik kognitif. Motivasi kognitif dalam konteks ini adalah didasari oleh mekanisme kognitif yang mengikat makna-makna yang terhasil itu. Analisis daripada data korpus tersebut menunjukkan makna teras *alam* dalam era klasik boleh dirujuk sebagai ‘darjat.’ Namun begitu pada era semasa, makna teras *alam* boleh difahami sebagai ‘alam fizikal.’ Setiap perubahan makna ini bukanlah berlaku dengan wewenang tetapi bermotivasi.

**Kata kunci:** alam, darjat, fizikal, makna teras, mekanisme kognitif

## ABSTRACT

This article discusses on the changes of loanword meaning in Malay language. For example, the word *alam* (world) is originated from Arabic and has been assimilated into Malay lexicon. Based on the classical corpus taken from Malay Concordance Project (MCP) and modern corpus retrieved from Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) data bank, it shows that the core meaning of *alam* has changed over time. This article discusses the cognitive motivation that takes place in the domain of supremacy in the classical period to the domain of physics in the present period through the cognitive semantics approach. The cognitive motivation is based on cognitive mechanisms that bring together all the derived meanings. Analysis from the corpus data illustrates that in the classical era, *alam* denotes ‘supremacy’ or ‘sovereignty.’ However, in the contemporary era, *alam* refers to ‘physical world.’ The phenomenon of semantic change in languages is not an arbitrary transformation, but is linguistically motivated.

**Keywords:** world, supremacy, physical, core meaning, cognitive mechanism

## Pengenalan

Penyerapan kosa kata Arab dalam bahasa Melayu berlaku sedikit demi sedikit dan memakan masa yang panjang. Kata-kata Arab yang diterima masuk ke dalam bahasa Melayu seringkali menerima pengubahsuaian sama ada dari segi ejaan, bunyi mahupun makna. Menurut Kamus Al- Jadid (1983) dan Kamus Al-Khalil (2000), makna asal *alam* dalam bahasa Arab bermakna semesta. Namun setelah tempoh tertentu, seiring dengan perkembangan kronologi, kata *alam* turut menerima fasa perubahan, iaitu makna teras *alam* dalam era klasik memiliki makna yang jauh berbeza dengan makna

teras *alam* dalam era semasa. Namun, perubahan yang berlaku ini bukanlah tercipta secara sendiri, tetapi secara bermotivasi.

Apakah yang dimaksudkan dengan motivasi itu? Motivasi dalam kajian ini adalah satu usaha untuk menjelaskan bahawa proses peluasan makna sesuatu kata itu tidaklah berlaku dengan wewenang, tetapi didasari oleh mekanisme kognitif yang mengikat makna-makna yang terhasil itu. Lakoff (1987) mengatakan adalah lebih mudah untuk kita mengingat sesuatu dan menggunakan pengetahuan yang bermotivasi daripada pengetahuan yang arbitrari. Motivasi itu ditunjukkan melalui mekanisme-mekanisme kognitif yang menjadi asas dalam bidang semantik kognitif seperti skema imej, metafora konsepsi dan metonimi. Maka, jelaslah bahawa motivasi akan menjadi fokus dalam kajian ini bagi membincangkan isu peluasan makna bahasa Arab dalam era klasik dan semasa.

Dari satu sudut, perbincangan mengenai isu peluasan makna, sering diberi perhatian khususnya dalam aspek polisemi. Perkembangan penyelidikan telah meletakkan kajian polisemi sebagai satu topik kajian yang sering mencetuskan perbincangan. Antaranya berkaitan dengan bagaimanakah ukuran pendeskripsian polisemi itu ditentukan. Kemunculan teori kognitif pada akhir-akhir ini berjaya memberi sumbangan besar dalam penyelidikan polisemi kerana dapat menawarkan pendekatan yang praktis dalam menentukan polisemi sesuatu kata. Ini dapat dibuktikan melalui kajian-kajian lalu seperti kajian Nor Hashimah dan Rozaimah (2008) yang berjaya merungkaikan pendefinisian kata *rasuah* berlandaskan kaedah penteorian yang efektif dan relevan. Teori Semantik Kognitif bukan sahaja dapat menawarkan kaedah pendeskripsian polisemi dengan berpada pada peringkat kata, malah juga berjaya menjelaskan kepelbagaian makna polisemi dalam menangani makna imbuhan. Misalnya, kajian Nor Hashimah dan Nurul Huda (2010) yang berjaya menemui dapatan baru bagi makna imbuhan *beR*. Kesemua perkembangan ini didasari oleh keupayaan teori semantik

kognitif dalam menjelaskan permasalahan polisemi. Bagi kajian ini, pengkaji juga akan menggunakan pendekatan semantik kognitif untuk membincangkan proses peluasan makna yang berlaku dalam kata *alam* di samping menjelaskan motivasi kognitif yang mendasari penghasilan makna-makna baharu seperti yang terdapat dalam data korpus.


Perbincangan tentang makna *alam* telahpun dikaji oleh beberapa pengkaji sebelum ini. Misalnya, kajian Adam Glaz (2002) dan kajian Imran Ho Abdullah dan Ruzy Suliza Hashim (2009). Walaupun berbeza bidang dan objektif, namun kajian-kajian ini dapat memberikan pemahaman dan warna-warni terhadap perbincangan tentang *alam*. Pengkaji cuba meneliti perspektif dapatan mereka sebagai pengukuhan, khususnya dalam membincangkan konsep *alam* yang merupakan sebuah topik yang sangat menarik untuk diulas dan dihujahkan.

Dalam kajian barat oleh Adam Glaz (2002) yang bertajuk *The Dynamics of meaning; Explorations in the conceptual domain of EARTH*, beliau menyatakan bahawa perkembangan semasa telah menyebabkan masyarakat memahami 'world' dan 'earth' dalam 3 aspek iaitu;

1. *The world- The immediate environmental around us, the life of humans on this planet*
2. *The Earth- this planet with everything on it*
3. *The world- everything that exists the whole universe in all its aspects*

(Adam Glaz 2002)

Berdasarkan 3 jenis pendefinisian ini, beliau menyimpulkan bahawa pemahaman tentang ‘world’ dan ‘earth’ tidak bersifat linear. Makna ‘world’ bersifat sempit dan kemudian meluas apabila ‘world’ dirujuk sebagai ‘earth.’ Oleh itu, beliau meringkaskan huraianannya dengan memberikan pemahaman tentang ‘world’ dan ‘earth’ seperti yang tergambar dalam profil di bawah;




**Rajah 1 Interaksi non-linear dalam elemen *alam* (2002)**

Oleh itu, dapatlah pengkaji rumuskan bahawa kajian Adam (2002) tentang konsep ‘earth’ adalah pandangan masyarakat barat yang menganggap ‘earth’ atau bumi sebagai sebahagian daripada ‘world’ atau *alam*.

Seterusnya, kajian Imran Ho Abdullah dan Ruzy Suliza Hashim (2009), membincangkan tentang konsep *alam* dan didefinisikan mengikut domain, iaitu beracukan pendekatan semantik kognitif. Terdapat 5 domain yang dijelaskan oleh mereka, iaitu *alam* sebagai sejagat (alam as ‘universe’) misalnya *alam semesta*, *alam ghaib*, *alam barzakh*, *alam akhirat*, *alam baqa*, *alam* sebagai dunia

(alam as a ‘world’) dengan memberi beberapa contoh seperti *alam kerohanian*, *alam kebendaan*, *alam tampak*, *alam fizikal* dan *alam insan*, alam sebagai persekitaran (alam as ‘environmental’) misalnya *pencemaran alam sekitar*, *alam sekitar*, *maklumat alam sekitar*, *pengurusan alam sekitar*, *sains alam sekitar* dan *akta perlindungan alam sekitar*; alam sebagai lingkungan atau domain (alam as ‘kingdom’ or ‘domain’) contohnya *alam tumbuhan*, *alam biologi*, *alam budaya*, *alam Minangkabau* dan alam sebagai ruang (alam as ‘temporal/sphere’) misalnya *alam persekolahan*, *alam kanak-kanak* dan *alam keibuan*. Mereka memprofilkan model kognitif *alam* seperti berikut;



**Rajah 2: Konsep *Alam* berdasarkan ICM  
(Idealized Cognitive Model)**

Berdasarkan Rajah 2, Imran Ho dan Ruzy Suliza Hashim (2009) menjelaskan definisi *alam* itu dapat difahami dalam berbagai-bagai domain. Ternyata kajian ini dapat memberikan gambaran yang jelas dari sudut linguistik tentang polisemi bagi kata *alam*.

Jika dilihat dalam kedua-dua kajian ini, makna *alam* dibincangkan berdasarkan data sinkronik dan makna teras hanya berlegar dalam pengkategorian alam fizikal. Namun demikian wujud kekosongan dalam mempertalikan perubahan makna dari kajian diakronik ke kajian sinkronik. Kajian diakronik pasti dapat membantu memberikan gambaran peluasan makna dari ‘semesta’ ke makna ‘darjat. Kita dapat lihat makna asal ‘alam’ dan bagaimana leksikal ini berkembang ke makna polisemi yang lain pada zaman itu. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat adakah perubahan masa dan zaman memberi pengaruh pada definisimakna teras *alam* itu sendiri. Bagi pengkonsepsian makna teras alam itu dikenal pasti dari sudut kronologinya, pengkaji cuba memanfaatkan korpus klasik *Malay Concordance Project* (MCP) dan korpus daripada Pangkalan Data Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengetahui sejauh manakah makna *alam* difahami dalam era klasik dan era semasa.

Kajian ini diharap dapat menghuraikan peluasan makna dalam perkamusan, khususnya berkenaan dengan kosa kata serapan bahasa Arab. Kajian ini juga dapat memberi informasi berguna tentang wujudnya hubungan erat antara bahasa dan kognitif manusia dengan menggunakan pendekatan semantik kognitif. Secara tidak langsung, kajian ini juga dapat memberi panduan dan rujukan umum kepada para pengkaji bahasa berkenaan peluasan makna kosa kata serapan bahasa Arab. Seterusnya kajian ini ingin membuktikan bahawa data diakronik adalah sama pentingnya dengan data sinkronik dalam menangani makna polisemi terutama dalam dunia perkamusan. Data daripada kedua-dua zaman ini akan dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai peluasan makna.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengkonsepsian makna teras *alam* dalam era klasik dan era semasa. Kajian ini juga akan memberi penjelasan mengenai motivasi kognitif yang terlibat dalam peluasan makna yang berlaku khususnya dalam domain teras.

## **Kerangka Teori: Pendekatan Semantik Kognitif**

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori semantik kognitif. Keistimewaan teori ini ialah, ia dapat menjelaskan hubungan kognitif dengan fenomena bahasa yang berlaku secara bermotivasi. Setiap makna yang terhasil diikat oleh struktur konseptual yang lazim (*conventionalized conceptual structure*), iaitu skema imej, metafora konsepsi dan metonimi. Ini bermakna, setiap makna yang terhasil adalah terkawal dan tidak terbina secara wewenang. Kekuatan teori ini juga dapat membuktikan bahawa bahasa dan kognitif saling berkait rapat. Secara tidak langsung, ia dapat menggambarkan keintelektualan atau ketinggian daya taakul masyarakat dalam bahasa yang dikaji.

Dalam artikel ini, pengkaji memanfaatkan mekanisme kognitif seperti skema imej, metafora konsepsi dan metonimi. Lakoff (1987) menyatakan bahawa skema imej sebagai satu konsep struktur berdasarkan pengalaman yang kebanyakannya merupakan pengalaman yang dialami oleh badan manusia. Manakala menurut Gibbs et al. (1994), skema imej merupakan skema pengetahuan yang menyusun atur pengalaman hidup manusia berulang kali dalam satu pola yang koheren sifatnya. Seterusnya, metafora konsepsi pula merupakan pemetaan metafora merentasi domain konsepsi. Setiap pemetaan adalah set tetap hubungan ontologi antara entiti dalam domain sumber dan entiti dalam domain sasaran. Pemetaan juga bukan sesuatu yang sembarangan, tetapi berteraskan pengalaman dan pengetahuan seharian. Suatu sistem konsepsi mengandungi beribu-ribu pemetaan metafora lazim, yang membentuk subsistem yang amat berstruktur daripada sistem konsepsi. Selain itu, metonimi adalah entiti yang digunakan untuk memberi gambaran keseluruhan tentang entiti atau konsep yang lebih kompleks. Kesemua mekanisme kognitif ini mendasari dan mengawal makna yang terhasil (Kövecses 2001).



## Makna alam dalam korpus klasik

Perbincangan data dari korpus klasik adalah bertujuan untuk meneliti sejauh manakah makna *alam* dikonsepsikan dalam zaman tersebut. Pengkaji memanfaatkan korpus *Malay Concordance Project* (MCP) bagi mewakili korpus klasik. Korpus ini memanfaatkan pelbagai karya teks klasik dari tahun 1300 hingga 1900an. Berdasarkan korpus MCP, pengkaji mendapati bahawa makna *alam* difahami sebagai makna ‘darjat’ dan makna ini mendukung makna teras. Makna ini telah meluas dari makna *alam* sebagai semesta yang dipinjam dari bahasa Arab. Berdasarkan definisi ini, dapatlah difahami bahawa pengkonsepsian kata *alam* pada era klasik sangat berbeza dari makna yang ada pada hari ini, iaitu merujuk kepada semesta (alam yang luas). Satu fenomena yang menarik dalam dapatan ini ialah makna *alam* didominasi oleh makna ‘darjat.’ Mengapa timbulnya pengkonsepsian begini? Pengkaji akan menjelaskan apakah motivasi yang menyebabkan makna *alam* difahami sebagai makna darjat. Berikut diuraikan peluasan makna *alam* kepada domain darjat.

### Domain Darjat

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), makna darjat diertikan sebagai tingkatan atau taraf kedudukan dalam masyarakat. Ini bermakna, makna darjat berkaitan dengan taraf kedudukan seseorang dalam sesebuah masyarakat. Berikut adalah beberapa contoh data yang menunjukkan makna *alam* yang merujuk kepada makna darjat.

- 1) A3DKKALPasai 53:8 .. Demi terlihat oleh orang dalam negeri itu perahu terlalu amat banyak berlabuh dalam teluk itu, maka dipersembhkannya kepada Sultan Malikul Mahmud, sembahnya, “Ya tuanku Syah **Alam**, ada hambamu lihat itu perahu angkatan rupanya terlalu banyak berlabuh dalam teluk

kita ini, siapa tahu dari mana gerangan datangnya dan apa gerangan pekerjaannya?”

- 2) A4DKKAL CJen.B 74:26 ..... bacalah kepada jin itu supaya ia lari; kemudian engkau ambillah tuan puteri itu.” Maka diajarkannya suatu isim kepada Pak Belalang, Dapatlah olehnya. Maka sabda Kutubu’l-**alam**, “Ada pun sekarang jin itu sedang tidur memangku tuan puteri itu di dalam suatu gua batu di tepi gunung; segeralah pergi ke tempat itu.” Hatta telah sudah berkata-kata Pak ....
- 3) A5DKKALWrkh 80:1 karenanya seperti neraca yang mustakim, maka termasyhurlah warta itu dengan mahtubarnya kepada sekalian buldan al-qarib wa-al-ba`id, maka dipohonkan pula kepada Tuhan Khaliq al-`**alam** barang dilanjutkan apa kiranya daripada usia umur zamannya di dalam sihat dan sentosa selamat dengan sejahteranya `ala al-dawam. Ammabadu daripada itu adalah sahaya Suliwatang
- 4) A6DKKAL IbrA.s 46:8 ..... fakir dan bukan hamba ke mari ini hendakkan harta atau kebesaran, tetapi sebab disuruh oleh bapa hamba melihat negeri sahaja dan bertemu dengan raja.” Maka kata Wazir al-**Alam** “Adapun akan harta ini bukan hamba yang empunya dia, sekaliannya paduka ayahanda yang empunya dia. Maka sekarang kembali kepada tuanku.” Maka kata Muhammad Tahir “Hai raja, ..

Berdasarkan data 1 di atas, kata *alam* difahami sebagai makna ‘darjat’. Kita lihat bahawa kata *alam* sering diletakkan di hujung nama seseorang, khususnya nama raja. Hampir 80% dari keseluruhan korpus klasik, menunjukkan bahawa gelaran Tuanku Syah Alam begitu mendominasi dan dikhususkan untuk menggelar raja.

Perkataan *syah* sering berkolokasi dengan kata *alam*. Perkataan *syah* dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) bermakna *raja, baginda* dan merupakan kata yang berasal daripada bahasa Arab. Kata *alam* itu berasosiasi dengan kekuasaan, maka leksikal *alam* itu memberi impak yang besar dalam gelaran raja. *Shah alam* bermakna raja yang memiliki kuasa autonomi dalam kerajaannya. Misalnya, dilihat dari data 1 di atas, rakyat Sultan Malikul Mahmud, telah menyampaikan berita mengenai kedatangan beberapa angkatan perahu yang singgah di negeri baginda. Rakyat itu menggelar baginda dengan panggilan *Tuanku Syah Alam* kerana gelaran ini sangat berpadanan dengan kedudukan raja sebagai pemerintah di negeri itu.

Berdasarkan data 1 di atas, dapatlah ditunjukkan bahawa peluasan makna alam kepada domain darjat diikat oleh skema imej TATATINGKAT. Menurut Lakoff (1987), skema ini terbit daripada pengalaman manusia tentang konsep tatatingkat. Konsep tatatingkat ini turut dapat dilihat ketika memmanifestasikan konsep KUASA (Khazriyati 2000). Berdasarkan data tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa leksikal *Tuanku* itu dapat membuktikan wujudnya unsur tatatingkat. *Tuanku* merujuk kepada gelaran kepada Sultan. Dalam hierarki Kesultanan Melayu, Sultan menduduki kedudukan yang teratas, diikuti oleh pembesar dan rakyat biasa. Ini bermakna, sultan memiliki kuasa dan baginda perlu dihormati oleh lapisan bawahnya.

Dalam data 2, kata *alam* tidak dimartabatkan sebagai gelaran untuk raja tetapi gelaran darjat untuk seorang nujum. Gelaran *Kutubul alam* bermakna orang yang berilmu. Ilmu yang difahami dalam konteks data tersebut berkaitan dengan kepakaran ahli nujum itu dalam meramal dan memfirasat sesuatu. Oleh sebab kepakarannya, maka gelaran *Kutubul alam* diberikan sebagai mengagumi kebolehan beliau. Misalnya, dalam data tersebut Pak Belalang menyatakan ramalannya bahawa Tuan Puteri berada dalam pangkuan jin dan jin itu sedang tidur di dalam suatu gua batu di tepi gunung. Oleh sebab peningkatan ilmu memfirasat ini, maka Pak Belalang telah digelarkan

sebagai *Kutubul Alam* seperti yang terkandung dalam konteks data ini.

Data 2 ini juga dimotivasikan dari skema imej TATATINGKAT. Leksikal *diajarkanlah* menjadi pengukuh untuk menonjolkan wujudnya unsur tatatingkat yang melatari domain ini. Leksikal *diajarkanlah* bermakna adanya peningkatan ilmu yang dapat diperoleh oleh seseorang yang diajarkan. Berbalik pada konteks yang terdapat dalam data ini, nujum iaitu Pak Belalang memperoleh ilmu memfirasat dari seseorang yang memberitahunya tentang lokasi tuan puteri itu berada. Ini bermakna, kemahiran ilmu memfirasat itu diajarkan kepadanya sehingga Pak Belalang dapat melaporkan kepada raja akan ramalan mengenai kedudukan tuan puteri tersebut berada.

Seterusnya dalam data 3, makna *alam* juga dirujuk untuk makna darjat. Dalam data tersebut Tuhan Yang Maha Esa diberikan gelaran *Tuhan Khalik al-alam* kerana Tuhanlah yang berhak ke atas alam ciptaanNya ini. Dalam konteks ini, konsep *alam* itu lebih luas lagi maknanya, iaitu meliputi kerajaan langit dan bumi. Data 3 menyatakan permintaan seorang raja agar Tuhan melanjutkan usia dan diberikan kesihatan yang berpanjangan sepanjang pemerintahannya. Walaupun berada sebagai pemerintah yang berkuasa dalam kerajaannya, namun konsep Raja yang sebenar-benarnya adalah Tuhan Yang Maha Esa yang mengawal seluruh isi alam ini. Maka, dilihat konsep darjat yang dipegang oleh Tuhan Maha Tinggi mengatasi raja manusia.

Data 3 juga dimotivasikan daripada skema imej TATATINGKAT. Dalam data ini, leksikal *Tuhan* dapat menjadi bukti bahawa terdapatnya unsur tatatingkat. Dengan kata lain, leksikal *Tuhan* dapat menonjolkan hierarki kedudukan bahawa Tuhan memiliki kuasa mengatasi raja kerana di dalam konteks tersebut raja memohon kepada Tuhan agar dilanjutkan usianya agar dapat menjaga keamanan negeri takluknya. Selain itu, leksikal *sihat*, *sejahtera*, *aman* dan *sentosa* juga menunjukkan adanya unsur tatatingkat, iaitu tatatingkat kesihatan dan keadaan. Ini bermakna, raja memohon doa kepada Tuhan untuk berada dalam keadaan dirinya sentiasa dalam

keadaan kesihatan yang lebih baik dan memohon juga agar keadaan negerinya berada dalam keadaan aman dan sentosa, iaitu jauh dari keadaan huru-hara dan berpecah-belah. Walaupun unsur tatatingkat itu tidak dinyatakan secara jelas seperti tinggi dan rendah, namun pengertian tatatingkat itu dapat dihayati daripada leksikal-leksikal tersebut.

Dalam data 4, dilihat nama raja diapit dengan kata *alam*. Data ini menunjukkan makna *alam* juga merujuk kepada makna darjat. Bagi masyarakat dahulu, mereka memahami bahawa raja itu berkuasa mutlak dan raja bukan sahaja bertindak dalam hal ehwal dunia tetapi juga berperanan sebagai ketua dalam hal ehwal agama Islam. Dalam konsep yang dipegang rakyat pada era klasik, raja dianggap sebagai individu yang istimewa berbanding manusia biasa. Raja dilihat sebagai individu yang penuh dengan keramat dan kesaktian. Raja dianggap mempunyai kuasa yang tiada tandingan dengan manusia lain. Keadaan seperti ini dapat dijelaskan melalui konsep ketuhanan atau kekuasaan ketuhanan yang ada pada raja. Dengan kata lain, penghormatan rakyat terhadap rajanya bergantung kepada kekuasaan ketuhanan yang ada pada raja itu. Dengan kepercayaan raja sama ada raja itu Tuhan, anak Tuhan atau mempunyai kuasa Tuhan atau individu lindungan Tuhan, raja menjadi objek sama ada untuk disembah atau mesti diturut segala arahan atau titahnya. Melawan atau cuba memberontak manjadi satu kesalahan besar dan boleh menyebabkan mereka yang berkelakuan seperti ini disumpah atau dimurkainya. Kemurkaan raja dianggap sebagai kemurkaan Tuhan dan individu yang melanggar kepercayaan ini mendapat kecelakaan. Kepercayaan seperti inilah yang telah meletakkan raja dalam situasi yang selesa dan, mendapat kepatuhan daripada rakyat.

Oleh sebab kemuliaan dan martabat yang besar ini, maka raja diberikan status yang tinggi dalam masyarakat. Konsep penghormatan bukan sahaja ditunjukkan dalam bentuk tingkah laku, tetapi juga gelaran yang diberikan. Jadi, kata *alam* yang disandangkan kepada

raja itu membawa pengertian yang besar dan menunjukkan darjat yang tinggi pada seorang raja. Dengan kata lain, kata *alam* yang disandingkan itu menunjukkan pemahaman bahawa Raja adalah pemilik *alam* walaupun pemilik sebenarnya adalah Tuhan.


Data ini juga dimotivasikan oleh skema imej TATATINGKAT. Unsur tatatingkat dapat ditunjukkan daripada kata *hamba* dan *Tuanku*. Dalam data ini, leksikal *hamba* merupakan gelaran yang digunakan oleh seseorang yang rendah darjatnya daripada raja dan sebagai tanda menghormati raja. Dengan erti kata lain, penggunaan leksikal ini dapat membuktikan adanya unsur tatatingkat dalam hierarki kedudukan taraf sosial masyarakat. Golongan rakyat akan menggunakan panggilan 'hamba' manakala panggilan 'Tuanku' akan diberikan kepada raja bagi menghormati kedudukan dan taraf baginda. Raja perlu disanjung dan martabat raja perlu didaulatkan. Prinsip inilah yang dipegang sehingga ke hari ini bagi mengekalkan kewibawaan raja dalam istitusi pemerintahan negara. Fenomena ini menunjukkan adanya unsur tatatingkat dalam data tersebut.

Bagi memberi gambaran yang jelas tentang kedudukan tatatingkat ini, maka pengkaji telah memanfaatkan konsep TR (trajector) dan LM (landmark) yang merupakan antara pendekatan yang dimanfaatkan dalam bidang semantik kognitif. Istilah *trajector* (TR) dan *landmark* (LM) ini diperkenalkan oleh Langacker (1987) dalam tatabahasa kognitif beliau. *Trajector* (TR) adalah peserta yang diberikan tumpuan dalam satu-satu senario yang diprofilkan, manakala *landmark* (LM) adalah titik tumpuan dan lazimnya menjadi peserta sokongan dalam satu-satu senario yang diprofilkan. Rajah 3 adalah profil yang memberi gambaran bahawa wujudnya hubungan TR dan LM.

Dalam data 1, TR ialah raja, manakala LM ialah negeri yang diperintah. Dalam data 2, TR ialah Pak Belalang dan LM ialah mukjizat ilmunya. Seterusnya, dalam data 3, TR merujuk kepada Tuhan dan LM adalah merujuk kepada alam yang dikuasai. Bagi data 4, TR adalah merujuk kepada anak raja, manakala LM adalah

merujuk kepada negeri yang diperintah oleh bapanya. Jika dilihat dalam data 1, pergerakan TR dan LM ditunjukkan daripada bukti leksikal *dipersembahkan*. Leksikal ini dapat menggambarkan kuasa yang dipunyai oleh TR. Secara tidak langsung, terdapat pergerakan bernilai positif di antara TR dan LM yang menyerlahkan kekuasaan TR.

Seterusnya dalam data 2, leksikal yang menunjukkan pergerakan antara TR dan LM adalah *diajarkannya*. Apabila TR diajarkan sesuatu, maka bertambahlah ilmu yang dimilikinya. Seterusnya dalam data 3, bukti pergerakan TR dan LM adalah daripada *leksikal* dipohonkan, iaitu leksikal ini dapat menggambarkan status TR dan hubungannya dalam LM. Selain itu dalam data 4, pergerakan ditunjukkan dalam leksikal *disuruh*, iaitu dapat menggambarkan tanggungjawab TR terhadap LM. Sebagai keseluruhan, hubungan TR dan LM ini ditunjukkan dalam Rajah 3 di bawah mengikut skema imej TATATINGKAT.



**Rajah 3 : Skema imej TATATINGKAT**

Berdasarkan rajah tersebut, Allah merupakan pemilik kekuasaan sebenar, manakala TR merujuk kepada kekuasaan yang dimiliki oleh manusia. Dalam konteks ini, kekuasaan raja mahupun pakar ilmunan dikelompokkan sebagai TR. Kekuasaan TR masih lagi terbatas dalam batasan tertentu sahaja dan tidak mengatasi kuasa Yang Maha Esa. Garisan anak panah terputus-putus menembusi petak alam semesta dan petak alam hidupan secara dua hala menunjukkan bahawa hubungan bernilai positif, iaitu Allah yang sentiasa mengawasi segala urusan TR. Kotak segi empat tepat terputus di bahagian antara sisinya mewakili ruang *alam*, iaitu umpama bekas yang boleh dibuka dan ditutup. Kotak segi empat tepat kecil pada TR merujuk kepada ruang alam yang terbatas yang selagi mana dapat ditanggapi oleh hidupan. Kotak segi empat tepat yang merujuk kepada ruang alam hidupan memasuki sebahagian kotak segi empat tepat pada ruang alam semesta menandakan bahawa lokasi kewujudan TR masih dikawal oleh Allah. Profil ini juga dapat menunjukkan wujudnya unsur tatatingkat nilai kedudukan antara Pencipta dan makhlukNya.

LM adalah lokasi yang diprofilkan oleh TR. Misalnya, LM 1 yang disimbolkan dengan bulatan terputus-putus merujuk kepada lapisan alam yang hanya diketahui oleh Allah S.W.T. LM2 yang disimbolkan dengan bulatan kelabu merujuk kepada lapisan yang dapat ditanggapi oleh hidupan dan LM3 yang disimbolkan dengan bulatan perang pula merujuk kepada lapisan yang didiami oleh TR. Dalam konteks ini, kekuasaan raja mahupun pakar ilmunan diprofilkan dalam LM3. Ini termasuklah lokasi dalam pemerintahan (merujuk kepada raja) dan lokasi dalam bidang keilmuan seseorang (merujuk kepada ahli nujum). Gambaran profil tersebut dapat menjelaskan tentang nilai tatatingkat TR sebagai agen dalam lokasi kedudukannya masing-masing (LM).

Daripada bukti keempat-empat data tersebut, pengkaji merumuskan bahawa kesemua bukti ini dapat menyerlahkan metafora



konsepsi YANG TINGGI ITU BERKUASA, DI BAWAH TIDAK BERKUASA dan memperlengkapkan metonimi bagi kata alam, iaitu ALAM MELAMBANGKAN KEKUASAAN. Tatatingkat kekuasaan diserlahkan berdasarkan leksikal *dipersembahkan* (dalam data 1), *dilanjutkan* (dalam data 2), *diajarkan* (dalam data 3) dan *disuruhku* (dalam data 4). Leksikal-leksikal ini walaupun tidak menunjukkan unsur tatatingkat seperti tinggi rendah, tetapi berdasarkan leksikal-leksikal ini, dapatlah difahami bahawa golongan yang tinggi akan menyuruh melakukan sesuatu, manakala golongan yang rendah akan memberikan dan diberikan sesuatu. Misalnya dalam data 1, tatatingkat kekuasaan adalah antara golongan raja dan hamba, manakala dalam data 2, tatatingkat kekuasaan adalah antara jin dan Pak Belalang. Seterusnya dalam data 3, tatatingkat kekuasaan adalah antara raja dan Tuhan dan data 4 pula tatatingkat kekuasaan ditunjukkan dalam anak raja dan ayahandanya.

### **Makna `alam' dalam Era Semasa**

Seperti mana yang dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji lalu, iaitu Adam Glaz (2002) serta Imran Ho dan Ruzy Suliza (2009), jelas sekali menunjukkan bahawa kajian mereka membuktikan bahawa makna *alam* telah difahami dengan makna dunia atau bumi (alam fizikal). Kedua-dua kajian ini juga boleh dijadikan bukti bagi mewakili makna *alam* dalam era semasa berdasarkan tahun kajian itu dilakukan. Walaupun kedua-dua kajian ini dibicarakan dalam pendekatan semantik kognitif, namun kedua-duanya membincangkan *alam* dalam perspektif yang berbeza. Dalam kajian Adam Glaz (2002), perbincangan tentang makna *alam* (world) dibicarakan dari sudut pemahaman kognitif, misalnya diberikan contoh-contoh data yang menunjukkan hubungan kognitif antara *world* dan *earth*, tetapi tidak menekankan beberapa mekanisme kognitif yang mengawal penghasilan makna tersebut misalnya konsep skema imej dan

metafora konsepsi. Namun, kajian ini dapat memberikan informasi tentang konsep alam dari perspektif barat.

Manakala, dalam kajian Imran Ho dan Ruzy Suliza (2009), makna *alam* dibincangkan dari sudut pemberian domain berdasarkan ICM (Idealized Cognitive Model) dan lebih menekankan perbandingan *alam* atau ‘nature’ dari sudut pandang masyarakat Melayu dan barat berdasarkan beberapa domain *alam* yang dinyatakan. Sebagai pelengkap, kajian ini telah membincangkan pemahaman makna teras *alam* dengan memberi penekanan pada medan kognitif yang memotivasikan pengalihan makna teras *alam* dari sumber diakronik. Konsep seperti skema imej dan metafora konsepsi telah diaplikasikan. Secara tidak langsung, kajian ini memberi tambahan informasi diakronik kepada kajian Imran Ho dan Ruzy Suliza (2009) yang melihat berasakan data sinkronik. Maka kajian ini boleh dikatakan telah mempertalikan kajian sinkronik bagi mengesan perubahan makna antara dua zaman.

Selain kajian data MCP dan kajian Imran dan Ruzy, kata *alam* juga diteliti daripada beberapa buah kamus seperti Kamus Dewan. Dalam Kamus Dewan Edisi Pertama (1970), Kamus Dewan Edisi Ketiga (1997) dan Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), makna *alam* didefinisikan 1. sebagai dunia atau bumi. Ini menunjukkan bahawa makna teras *alam* yang didefinisikan di dalam kamus dirujuk sebagai makna dunia dan bumi. Ini adalah berasakan makna asal yang diambil dari bahasa Arab. Makna ‘darjat’ sebagaimana muncul dalam data MCP tidak tercatat dalam Kamus Dewan. Bagi mengenal pasti pengkonsepsian makna teras alam dalam konteks sebenar, pengkaji telah memanfaatkan data korpus daripada Pangkalan Data Dewan Bahasa dan Pustaka (memuatkan data dari tahun 1970 hingga kini). Makna teras Kamus Dewan juga berasakan data sinkronik.

## Domain dunia (alam fizikal)

Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), domain dunia bermaksud bumi dan segala yang terdapat di permukaannya, alam (tempat kita duduki) dan 2. perihal hidup, kehidupan. Ini bermakna, domain dunia merujuk kepada tempat kita duduki dan alam sekitarnya dan berkait juga dengan hal kehidupan. Pada era era semasa, kata *alam* dilihat telah berubah kepada domain dunia atau domain alam fizikal. Hal ini kerana pada era ini, faktor keduniaan menjadi perkara yang sangat diberi perhatian. Alam dunia dikesani berdasarkan konteks kehidupannya yang dapat ditanggapi dengan mata kasar manusia. Beberapa contoh data yang merujuk kepada domain dunia adalah seperti berikut;

- 1) A1DKDBP Zamri yang sedang menikmati pemandangan \*\*\*alam\*\*\* yang terbentang luas itu, tiba-tiba menoleh ke belakang apabila terdengar derap kaki berlari.
- 2) A2DKDBP Hening subuh itu bagaikan mahu penghuni \*\*\*alam\*\*\* terbiar terus hanyut dibuai mimpi manis.
- 3) A4DKDBP Ini menyebabkan dia sering berfikir bahawa sifat dan bentuk kehidupan manusia itu adalah peniruan daripada sifat-sifat \*\*\*alam\*\*\* itu sendiri.
- 4) A50DKDBP Dalam wad yang tertutup, aku kurang dapat mengesan warna \*\*\*alam\*\*\* di luar.

Jika dilihat dalam data 1, jelas tergambar konteks kehidupan dibuktikan daripada leksikal *menikmati*. Konteks dalam data ini menyatakan bahawa Zamri sedang menikmati pandangan alam dan kemudiannya penglihatannya beralih apabila terdengar bunyi derapan

tapak kaki. Kesemua aksi-aksi Zamri ini dapat dikesani oleh akal dan fikiran kita berdasarkan pengalaman. Begitu juga dalam data 2, iaitu menceritakan tentang fenomena kehidupan mengenai penghuni alam, iaitu merujuk kepada manusia yang menikmati suasana subuh yang sejuk dan boleh mengasyikkan manusia untuk tidur lena. Dalam konteks data 3, aspek kehidupan dilihat apabila si dia menghayati keadaan manusia itu yang meniru sifat-sifat alam.

Dalam data 4, konteks menerangkan tentang 'aku' yang tidak dapat menghayati segala yang berlaku di dunia luar kerana berada di dalam wad. Seseorang yang berada di wad biasanya akan terlantar di atas katil dan hanya berlegar di kawasan wad sahaja dan tidak dibenarkan keluar kecuali diizinkan oleh doktor. Maka, pemandangannya hanya terbatas di sekitar wad sahaja. Bukti-bukti linguistik yang membantu pengukuhkan pemahaman domain ini memiliki suasana penghidupan adalah berdasarkan leksikal *mengesan*, iaitu menghayati keadaan *alam*.

Data ini dimotivasikan daripada skema imej PENGHUBUNG. Skema ini mengaitkan pengalaman dan kebergantungan antara satu pihak dengan pihak yang lain. Dalam data 1, unsur penghubung dilihat berdasarkan leksikal *menikmati* dan *menoleh*. Konsep *menikmati* dan *menoleh* dapat menggambarkan hubungan pancaindera dan tindakan emosi dengan pengalaman. Dengan kata yang lain, hubungan itu dirasai melalui penghayatan pancaindera dan emosi terhadap sesebuah pengalaman sama ada penghayatan melalui deria lihat, dengar, sentuh atau lain-lain dan mengaitkan juga tumpuan emosi seseorang. Dalam konteks data di atas, tumpuan emosi seseorang itu terganggu apabila Zamri menoleh ke belakang kerana terdengar derapan kaki berlari.


Dalam data 2, unsur hubungan dikenal pasti melalui leksikal *terbiar*. Dalam konteks data tersebut *terbiar* bermakna terputus dari alam realiti menuju ke alam mimpi. Leksikal ini dapat menggambarkan unsur hubungan dengan pengalaman, iaitu terputus dari pengalaman

realiti dan berada dalam pengalaman imaginasi (mimpi). Pengalaman yang dimaksudkan adalah suasana hening subuh yang disifatkan sebagai keadaan sejuk yang membuatkan penghuni alam (manusia) tidur nyenyak.

Seterusnya dalam data 3, unsur hubungan dilihat daripada leksikal *peniruan*. Konteks data menceritakan hubungan kehidupan manusia dengan alam yang saling memerlukan. Leksikal *peniruan* dapat menunjukkan kebergantungan kehidupan manusia antara satu dengan yang lain seumpama alam yang juga bergantung antara sesama komponen yang lain bagi melengkapkan kitaran dan prosesnya. Bagi data 4 pula, unsur hubungan dilihat daripada leksikal *tertutup* dan *mengesan*. Kedua-dua leksikal ini dapat menunjukkan konsep hubungan situasi. Hubungan situasi terputus apabila 'aku' tidak dapat mengesani panorama alam dan apa yang berlaku di dunia luar kerana wad telah tertutup.

Berdasarkan keempat-empat data yang disebutkan ini, hubungan ini dapat ditunjukkan dalam profil TR dan LM. Dalam data 1, TR merujuk kepada *Zamri* dan LM merujuk kepada *pemandangan alam*. Seterusnya dalam data 2, TR merujuk kepada *penghuni alam* dan LM merujuk kepada *alam mimpi*. Bagi data 3, TR merujuk kepada *aku* dan LM merujuk kepada *kehidupan manusia*. Dalam data 4, TR merujuk kepada *aku* dan LM merujuk kepada *dalam wad*. Hubungan TR dan LM ditunjukkan berdasarkan leksikal *menikmati* (dalam data 1), *hanyut* (dalam data 2), *berfikir* (dalam data 3) dan *mengesan* (dalam data 4).

Sebagai memberi gambaran yang jelas, pengkaji akan menunjukkan profil skema imej PENGHUBUNG seperti yang terlihat dalam Rajah 4 seperti berikut;



**Rajah 4 Skema imej PENGHUBUNG**

Dalam Rajah 4, TR adalah merujuk kepada hidupan, manakala LM adalah merujuk kepada pengalaman. Garisan anak panah tebal menunjukkan hubungan yang berlaku antara TR dan LM, manakala garisan anak panah terputus-putus menunjukkan hubungan yang terputus antara TR dan LM.

Jika dilihat secara teliti contoh-contoh data yang diberikan, maka dapatlah pengkaji merumuskan bahawa peluasan makna ini diikat oleh suatu metafora konsepsi PENGALAMAN ITU KEHIDUPAN dan metonimi ALAM MELAMBANGKAN AKTIVITI KEHIDUPAN. Bukti-bukti leksikal yang menunjukkan fenomena aktiviti kehidupan dalam data adalah seperti *menikmati*, *terdengar* dan *menoleh* (dalam data 1), dan frasa *hanyut dibuai mimpi* (dalam data 2), frasa *berfikir* (dalam data 3) dan *mengesan* (dalam data 4) yang juga menunjukkan proses sesuatu pengalaman itu ditempuhi.

Perbezaan data klasik dan moden dapat dikesan daripada tujuan penggunaan *alam* itu sendiri. Makna asal *alam* dalam bahasa Arab adalah dunia semesta. Tetapi data klasik tidak mengungkapkan makna ini. Sebaliknya data yang ditemui adalah data yang menunjukkan darjat pemerintah, tidak kira dari Tuhan yang berkuasa, raja yang memerintah mahupun ahli nujum yang banyak pengetahuannya. Dalam era klasik penonjolan kuasa pemerintah bagi

mengangkat darjat mereka amat dititikberatkan. Hal ini terjadi kerana rakyat diminta menyanjung pemerintah di tempat kedua selepas Allah. Ini dapat dikesan daripada perjanjian di antara Demang Lebar Daun dan Seri Tribuana (Sulalat al Salatin 1997) Secara tidak langsung, frekuensi alam sebagai ‘darjat’ menjadi teras makna bukannya *alam* fizikal seperti hari ini.

Rakaman data diakronik dan sikronik sebenarnya telah mempengaruhi makna ‘*alam*’ itu sendiri. Dalam data MCP, jelas menunjukkan makna terasnya berkisar pada *alam* pemerintah sama ada *alam* ketuhanan mahupun raja. Di sini berlaku peluasan makna dari makna asal bahasa Arab. Iaitu dari makna ‘semesta’ meluas kepada makna ‘darjat’. Tetapi dalam data sinkronik, makna teras *alam* terus merujuk kepada makna ‘dunia’ dan ‘semesta’ sebagaimana makna asal daripada bahasa Arab. Hal ini terjadi kerana kamus tidak mengambil data diakronik sebagai asas pembentukan makna tetapi terus merujuk kepada makna asal bahasa Arab dan seterusnya mengambil data sinkronik sebagai asas pendefinisian makna. Kelompongan data diakronik telah menyebabkan perbezaan makna yang ditemui. Sekiranya Kamus Dewan memanfaatkan kedua-dua data diakronik dan sinkronik sudah pasti polisemi makna ‘alam’ akan menjadi lebih menarik. Jelasnya data sinkronik hanya merakamkan makna *alam* yang kebanyakannya bersifat fizikal yang boleh dilihat secara konkrit. Perkembangan makna ini telah melahirkan makna pinggiran yang pelbagai di samping makna teras berdasarkan kata pinjaman Arab itu sendiri. Maka jelas wujud perbezaan makna yang ketara di antara kedua-dua zaman. Walau bagaimanapun, semantik kognitif sebagai acuan ilmiah mampu mencungkil perbezaan makna teras yang muncul dalam era yang berbeza.

## Kesimpulan

Leksikal *alam* telah memperlihatkan fasa perubahan makna *alam* dalam data klasik dan data semasa. Makna asal *alam* dalam bahasa Arab yang bermakna 'semesta' telah meluas kepada domain 'darjat' sebagai domain teras dalam data klasik. Manakala dalam data sinkronik, makna alam fizikal ternyata lebih dominan. Peluasan makna *alam* data sinkronik yang tidak merujuk kepada data diakronik telah mengakibatkan wujudnya perbezaan makna bagi kedua-dua zaman tersebut. Kajian ini telah mengisi lompong makna yang berbeza antara dua zaman. Seharusnya dalam pembinaan kamus, data diakronik tidak harus dikesampingkan agar peluasan makna dapat dilihat dengan lebih berkesan lagi. Namun demikian pendekatan semantik kognitif telah membantu menjawab mengapa berlaku perbezaan makna teras bagi *alam* yang wujud pada kedua-dua zaman ini. Nyatanya setiap perubahan ini berjaya ditunjukkan secara bermotivasi menggunakan mekanisme kognitif yang saintifik sifatnya.

Nota: Artikel ini adalah berasaskan projek penyelidikan UKM-AP-CMNB-2009-19/3: Sejarah Intelektual Melayu: Kajian Teks Tradisional Zaman Pra Kolonial.

## Rujukan

- Adam Glaz. 2002. *The Dynamics of Meaning; Explorations in the Conceptual Domain of EARTH*. University Press: Lublin.
- Imran Ho dan Ruzy Suliza Hashim. 2009. A cognitive semantics analysis of alam nature in Malay. *European Journal of Social Sciences*. Volume 8, Number 1:140-151.



- Gibbs, Raymod W., Dinara A. Beitel, Michael Harington & Paul E Sanders. 1994. Taking a stand on the meaning of stands: Bodily experiences as motivations for polysemy. *Journal of Semantics* 11: 231-251.
- Kamus Dewan*. 1970. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 1997. Edisi Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2007. Ed ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Al Jadid Arab-Melayu*. 1983. Kuala Lumpur: Penerbitan Seri Kota.
- Kamus Al-Khalil Edisi Pelajar*. 2000. Gombak: IIUM Press Sdn Bhd.
- Khazriyati Salehuddin. 2000. Mekanisme kognitif dalam simpulan bahasa kuasa dan kawalan. *Jurnal Dewan Bahasa* 44 (12): 1223-1237.
- Kövecses, Zoltan. 2001. A Cognitive Linguistic View of Learning Idioms in an FLT Content. Dlm. Pütz Martin, Niemeier, Susan René, Dirven (pnyt). *Applied Cognitive Linguistics II. Language Pedagogy*, hlm 87-115. Berlin/New York: Mouton de Gruyter.
- Lakoff, G. 1987. *Woman Fire and Dangerous Things: What Categories Reveal about the Mind*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Lakoff, G. 1993. The Contemporary theory of metaphor. Dlm. A Ortony (ed) *Metaphor and Thought*, 2<sup>nd</sup> ed. Cambridge: Cambridge University Press.
- Muhammad Haji Salleh. 1997. *Sulalat al Salatin*. Yayasan Karyawan dan DBP: Kuala Lumpur
- Nor Hashimah Jalaluddin & Nurul Huda Mohd Saad. (2010). Peluasan makna imbuhan ber-: analisis semantik kognitif. *GEMA Online Journal of Language Studies* 10(1): 103-123.

- Nor Hashimah Jalaluddin & Rozaimah Rashidin. 2008. Rasuah dalam karya sastra Melayu klasik: satu analisis semantik kognitif. *Jurnal e-Bangi* Jilid 3 Bil 3, Jan-Dis.
- Langacker, Ronald W. 1987. *Foundations of Cognitive Grammar Vol I: Theoretical Prerequisites*. Stanford: Stanford University Press.